

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) setakat mana penyelesaian terhadap kemusnahan dan kerosakan harta individu dan awam akibat bencana banjir telah atau sedang dan akan dilaksanakan di seluruh negara; dan
- (b) berapakan perbelanjaan Kerajaan telah dikeluarkan bagi membantu mangsa-mangsa banjir dan kerosakan yang dialami melibatkan harta individu dan awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memulihkan keadaan selepas bencana banjir pada tahun lepas, Kerajaan telah memutuskan untuk membina Rumah Kekal Baru dan membaik pulih rumah mangsa yang rosak.

Sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 33 unit Rumah Kekal Baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 309 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 238 unit lagi dalam peringkat pra-pembinaan. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan membina sebanyak 1,412 unit Rumah Kekal Baru manakala Kerajaan-kerajaan Negeri akan membina sebanyak 573 unit. Pembinaan Rumah Kekal Baru ini dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya.

Untuk bantuan baik pulih rumah, sebanyak 7,257 unit rumah telah dikenal pasti layak untuk dibaiki di seluruh Malaysia setakat 1 Jun 2015. Dari jumlah tersebut, sebanyak 3,459 unit telah siap dibaik pulih dan selebihnya dalam proses perolehan kerja dan baik pulih. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan baik pulih rumah.

Dari segi pemulihan harta awam pula, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM805.7 juta di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Ke-10 sehingga 1 Jun 2015 untuk membaik pulih kemudahan awam dan infrastruktur seperti sekolah, klinik, jalan raya dan jalan keretapi kepada kementerian-kementerian berkaitan.

Sehingga 31 Mei 2015, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.795 juta dari Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) untuk baik pulih rumah daripada siling RM19.8 juta yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Bagi pembinaan Rumah Kekal Baru, sebanyak RM1.012 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian Kerja Raya daripada siling sebanyak RM58 juta yang diperuntukkan. Kedua-dua perbelanjaan untuk Rumah Kekal Baru dan baik pulih rumah ini adalah berdasarkan kepada tuntutan sebenar yang dikemukakan oleh kontraktor kepada kementerian.

Selain dari itu, Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM68.344 juta untuk diagihkan sebagai bantuan wang ihsan kepada 136,688 ketua isi rumah mangsa banjir setakat 18 Mei 2015.

Sekian. Terima kasih.